



## Notis Privasi

Kami (sepertimana didefinisikan di bawah) menghargai privasi anda dan berusaha melindungi data peribadi anda selaras dengan undang-undang Malaysia.

Kami hanya akan mengumpul dan menggunakan maklumat peribadi anda selaras dengan undang-undang tersebut (termasuk Akta Perlindungan Data Peribadi 2010), Notis Privasi ini dan terma-terma privasi dalam perjanjian-perjanjian anda dengan kami.

Notis Privasi ini menerangkan:

- Apakah jenis data peribadi yang kami kumpulkan dan bagaimana kami mengumpulnya;
- Bagaimana kami menggunakan data peribadi anda;
- Pihak-pihak yang kami dedahkan data peribadi anda kepada; dan
- Pilihan-pilihan yang kami tawarkan, termasuk bagaimana mengakses dan mengemaskini data peribadi anda.

Privasi anda adalah penting kepada kami, jadi sila ambil masa anda untuk mengenali amalan kami dan jika anda memerlukan maklumat lanjut, sila hubungi UOB Contact Centre di talian 03-2612 8121 atau berurusan dengan Pegawai Perkhidmatan Pelanggan (Customer Service Officer) di mana-mana cawangan-cawangan kami.

Untuk tujuan Notis Privasi ini, sila ambil perhatian bahawa:

- "Kumpulan UOB" merujuk kepada United Overseas Bank (Malaysia) Bhd (No. Pendaftaran. 199301017069 / No. Syarikat. 271809-K), UOB Properties Bhd, UOB Properties (KL) Bhd, UOB Credit Bhd, UOBM Nominees (Asing) Sdn Bhd, UOBM Nominees (Tempatan) Sdn Bhd, UOB 2006 Nominees (Tempatan) Sdn Bhd dan semua cawangan, agensi, wakil pejabat, syarikat induk, perbadanan bersekutu dan pegawai, pekerja atau ejen mereka masing-masing, sama ada yang berada di dalam atau di luar Malaysia.
- "Kami" merujuk kepada United Overseas Bank (Malaysia) Bhd (No. Pendaftaran. 199301017069 / No. Syarikat: 271809-K), UOB Properties Bhd, UOB Properties (KL) Bhd, UOB Credit Bhd, UOBM Nominees (Asing) Sdn Bhd, UOBM Nominees (Tempatan) Sdn Bhd dan UOB 2006 Nominees (Tempatan) Sdn Bhd.

Bagi mengelakkan keraguan, Notis Privasi ini terpakai hanya jika anda adalah seorang individu. Sekiranya anda ialah sebuah entiti korporat atau organisasi, dan setakat mana yang anda telah memberikan atau akan memberikan data peribadi tentang pengarah, pemegang saham, rakan kongsi, pemegang jawatan, pekerja, wakil yang telah diberikuasa, ejen dan/atau individu lain, anda mengesahkan bahawa anda telah menjelaskan atau akan menjelaskan kepada mereka bahawa data peribadi mereka akan didedahkan kepada, dan akan diproses oleh, kami dan anda turut memberi representasi dan menjamin bahawa anda telah memperolehi persetujuan daripada mereka berkenaan dengan pemprosesan (termasuk pendedahan dan pemindahan) data peribadi mereka sepertimana yang tertera dalam Notis Privasi ini.

Penggunaan berterusan akaun-akaun perbankan anda, perkhidmatan-perkhidmatan dan/atau kemudahan-kemudahan dianggap kebenaran kepada kami untuk mengumpul, memproses dan menyimpan data selaras dengan di atas. Kegagalan untuk bersetuju kepada di atas boleh menyebabkan kami tidak berupaya untuk membuka, menubuhkan, meneruskan atau menyediakan akaun-akaun perbankan, perkhidmatan-perkhidmatan atau kemudahan-kemudahan kepada anda.

### Apakah Jenis Data Peribadi yang Kami Kumpulkan dan Bagaimana Kami Mengumpulnya:

Untuk membolehkan kami menangani pertanyaan anda, membuka dan mengendalikan suatu akaun/kemudahan untuk anda dan/atau untuk, secara umumnya, memberikan anda produk-produk dan perkhidmatan kami, kami mungkin memerlukan dan/atau diperlukan untuk mengumpul, merekod, memegang, menyimpan, mengguna dan/atau mendedahkan (iaitu "memproses") data peribadi anda, yang mana termasuklah sebarang data berkaitan secara langsung atau tidak langsung dengan anda dan/atau transaksi anda dengan kami. Data peribadi (termasuk data peribadi sensitif) ini termasuklah, tetapi tidak terhad kepada, nama, suara, data biometrik, alamat, pekerjaan, butir-butir hubungan, maklumat yang ditangkap dalam sistem keselamatan (termasuk rakaman imej anda daripada Televisyen Litar Tertutup (CCTV)), maklumat yang terkandung di dalam mana-mana akaun anda yang anda punyai dengan kami sama ada secara tunggal atau berse sama dengan mana-mana orang lain, jenis produk dan/atau perkhidmatan yang anda telah melanggan dengan kami dan data lain yang diperlukan berkaitan diri anda dan transaksi anda dengan kami.

Kami memperolehi data ini daripada anda apabila anda memohon untuk sebarang produk dan perkhidmatan kami dan daripada pelbagai sumber, termasuk tetapi tidak terhad kepada:

- a. melalui perhubungan anda dengan kami, sebagai contoh maklumat yang anda berikan dalam borang permohonan, apabila menggunakan produk atau perkhidmatan kami, apabila mengambil bahagian di dalam tinjauan pelanggan, pertandingan dan promosi, dan semasa semakan kewangan;
- b. melalui komunikasi lisan dan bertulis dengan kami dan/atau ejen kami yang sah;
- c. daripada pihak ketiga yang berkaitan dengan anda, seperti majikan, pemegang akaun berse sama, penjamin, pemberi sekuriti, rakan kongsi berse sama, pengarah berse sama dan pemegang saham berse sama, tertakluk kepada persetujuan anda terlebih dahulu;
- d. daripada agensi-agensi pelaporan kredit, agensi-agensi rujukan kredit dan agensi-agensi kerajaan, atau maklumat yang diperolehi daripada mana-mana sumber umum, direktori, atau daftar (seperti, tetapi tidak terhad kepada, Jabatan Insolvensi Malaysia dan Suruhanjaya Syarikat Malaysia);
- e. melalui rakaman imej daripada Televisyen Litar Tertutup (CCTV) di premis kami;

- f. melalui rakaman suara anda semasa panggilan telefon atau data biometric (contohnya, cap jari) apabila anda melawat cawangan kami atau lokasi di luar cawangan kami;
- g. daripada analisa bagaimana anda menggunakan dan menguruskan akaun/kemudahan anda dengan kami, daripada transaksi yang anda buat dan daripada bayaran yang dibuat kepada/daripada akaun/kemudahan anda; dan/atau
- h. daripada sumber-sumber lain yang mana anda telah berikan persetujuan anda untuk mendedahkan maklumat berkaitan anda dan/atau yang mana di sebaliknya tidak disekat.

#### Bagaimana Kami Menggunakan Data Peribadi Anda

Kami menggunakan data peribadi anda untuk salah satu atau lebih daripada tujuan-tujuan berikut:

- a. untuk membuktikan identiti dan latar belakang anda;
- b. untuk menilai kesesuaian bagi mana-mana produk / perkhidmatan dan memproses permohonan/permintaan anda untuk produk dan perkhidmatan kami;
- c. untuk menentu sahkan kedudukan kewangan anda melalui pemeriksaan rujukan kredit;
- d. untuk membuktikan kebolehpercayaan kredit anda;
- e. untuk membolehkan kami mempertimbangkan sama ada untuk memberikan atau terus memberikan kepada anda mana-mana produk dan perkhidmatan kami;
- f. untuk mengurus dan menyelenggara akaun dan kemudahan anda dengan kami dan untuk meluluskan, menguruskan, mentadbir atau melaksanakan apa-apa transaksi yang diminta atau dibenarkan oleh anda;
- g. untuk mengurus perniagaan kami dan perhubungan anda dengan kami dengan lebih baik;
- h. untuk memahami keperluan pelaburan semasa dan masa hadapan anda dan situasi kewangan anda dengan lebih baik;
- i. untuk memasarkan atau memberikan anda maklumat berkaitan produk, perkhidmatan dan tawaran kami dan pihak ketiga yang anda mungkin berminat (di mana kami boleh atau tidak boleh diupah);
- j. untuk meningkatkan produk dan perkhidmatan kami dan untuk menghasilkan produk dan perkhidmatan baru;
- k. untuk memberitahu anda berkenaan manfaat dan perubahan kepada ciri-ciri produk dan perkhidmatan;
- l. untuk mentadbir tawaran, pertandingan, kempen dan promosi termasuk bagi tujuan pemenuhan dan penyampaian hadiah, ganjaran, program kesetiaan dan keistimewaan sebagaimana yang diperlukan;
- m. untuk menjawab pertanyaan dan aduan anda dan untuk menyelesaikan pertikaian secara umum;
- n. untuk mengemas kini, menyatukan dan meningkatkan ketepatan rekod kami;
- o. untuk menghasilkan data, laporan dan statistik yang telah dianonimkan ("anonymised") atau diagregatkan di mana anda sebagai seorang individu tidak dapat dikenalpasti lagi daripada data, laporan dan statistik tersebut;
- p. untuk membuat penyelidikan bagi tujuan penganalisaan termasuk tetapi tidak terhad kepada pencarian data dan penganalisaan transaksi anda dengan kami;
- q. untuk memenuhi keperluan pendedahan di bawah mana-mana undang-undang yang mengikat Kumpulan UOB;
- r. membolehkan pemegang serahhak sebenar atau yang dicadangkan kami, atau peserta atau sub-peserta berkenaan hak kami atas pelanggan untuk menilai transaksi yang bertujuan menjadi subjek kepada serahan hak, penyertaan atau sub-penyertaan;
- s. untuk tujuan audit, pematuhan dan pengurusan risiko;
- t. untuk menilai risiko-risiko kewangan dan insurans;
- u. untuk memindahkan atau menyerah hak akan hak, kepentingan dan obligasi kami di bawah perjanjian-perjanjian anda dengan kami;
- v. untuk melindungi atau menguatkuasakan hak kami di bawah perjanjian anda dengan kami, termasuk untuk memperoleh kembali apa-apa hutang yang terhutang kepada kami;
- w. untuk menjalankan pemeriksaan anti pengubahan wang haram;
- x. untuk pengesanan, pencegahan, siasatan dan pendakwaan jenayah, termasuk penipuan dan jenayah kewangan; dan/atau
- y. untuk apa-apa tujuan lain yang diperlukan atau dibenarkan di bawah mana-mana undang-undang, peraturan, garis panduan dan/atau pihak berkuasa kawal selia yang berkaitan.

Rakaman CCTV, secara khususnya, digunakan untuk tujuan-tujuan berikut:

- untuk tujuan memastikan kualiti;
- untuk keselamatan awam;
- mengenalpasti dan menghalang penggunaan kemudahan, produk, perkhidmatan dan/atau premis kami yang mencurigakan, tidak sesuai atau tidak dibenarkan;
- mengenalpasti dan menghalang tingkah laku jenayah; dan/atau
- menjalankan siasatan kejadian.

*Cookie* adalah fail teks kecil yang boleh dihantar oleh laman web kepada pelayar anda, yang kemudiannya boleh disimpan dalam sistem anda. Kami menggunakan cookie di beberapa halaman kami bagi mengumpulkan maklumat mengenai pengguna-pengguna laman web kami (sebagai contoh, bagi menyimpan pilihan pengguna dan mencatatkan maklumat sesi) dan maklumat yang kami kumpulkan akan digunakan untuk memastikan tahap perkhidmatan yang lebih peribadi untuk pengguna-pengguna kami. Anda boleh menyesuaikan tetapan pada pelayar anda supaya anda akan dimaklumkan apabila anda menerima cookie. Sekiranya anda ingin menghentikan fungsi cookie yang dikaitkan dengan teknologi ini, anda boleh berbuat demikian dengan mengubah tetapan pada pelayar anda. Walau bagaimanapun, dengan berbuat demikian, anda mungkin tidak dapat menggunakan fungsi tertentu atau masuk bahagian(-bahagian) tertentu dalam laman web kami.

Kami akan meminta persetujuan anda sebelum menggunakan data peribadi anda untuk suatu tujuan selain daripada yang dinyatakan di dalam Notis Privasi ini dan terma-terma privasi dalam perjanjian-perjanjian anda dengan salah satu atau mana-mana daripada ahli-ahli Kumpulan UOB.

#### Pendedahan Data Peribadi Anda

Sebagai sebahagian daripada penyediaan produk dan perkhidmatan kami kepada anda dan pengurusan dan/atau operasinya,

kami boleh mendedahkan data peribadi anda kepada pihak-pihak berikut:

- a. syarikat-syarikat dan/atau organisasi-organisasi dalam Kumpulan UOB;
- b. syarikat-syarikat dan/atau organisasi-organisasi yang bertindak sebagai ejen dan/atau penasihat profesional kami;
- c. syarikat-syarikat dan/atau organisasi-organisasi yang kami telah menyumber luarkan pelaksanaan fungsi operasi untuk membantu kami dalam memproses, mentadbir dan/atau selainnya memenuhi transaksi yang diminta oleh anda;
- d. syarikat-syarikat dan/atau organisasi-organisasi yang kami telah menyumber luarkan pelaksanaan fungsi operasi untuk membantu kami dalam memberikan perkhidmatan tambahan yang diminta oleh anda;
- e. syarikat-syarikat dan/atau organisasi-organisasi yang menyediakan perkhidmatan kepada kami dalam menyampaikan atau memaklumkan maklumat tentang produk dan perkhidmatan kami kepada anda;
- f. penasihat-penasihat anda (termasuk tetapi tidak terhad kepada akauntan, juru audit, peguam, penasihat kewangan atau penasihat profesional lain) yang dibenarkan oleh anda;
- g. mana-mana orang yang anda maklumkan kepada kami sebagai dibenarkan untuk memberi arahan atau menggunakan akaun/kemudahan atau produk atau perkhidmatan bagi pihak anda;
- h. mana-mana pihak ketiga berikutan daripada pengstrukturkan semula kemudahan yang diberikan kepada anda atau jualan hutang, atau pengambil alihan atau jualan mana-mana syarikat oleh Kumpulan UOB, dengan syarat bahawa mana-mana penerima menggunakan data peribadi anda untuk tujuan yang sama sebagaimana pada asalnya ia dibekalkan kepada kami dan/atau digunakan oleh kami;
- i. pihak polis atau mana-mana pegawai awam yang mengendalikan penyiasatan berhubung dengan apa-apa kesalahan termasuk kesalahan yang disyaki;
- j. mana-mana penjamin atau pemberi sekuriti untuk kemudahan yang diberikan oleh kami kepada anda;
- k. mana-mana agensi penarafan, syarikat insurans / takaful atau broker insurans / takaful atau penyedia perlindungan kredit langsung atau tidak langsung;
- l. mana-mana mahkamah, tribunal atau pihak berkuasa, sama ada kerajaan atau separa kerajaan dengan bidang kuasa ke atas Kumpulan UOB;
- m. Pusat Biro Kredit atau mana-mana pihak berkuasa lain atau badan yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia, pusat depository sekuriti atau ejen depository, atau pihak berkuasa lain yang mempunyai bidang kuasa ke atas kami;
- n. mana-mana agensi pelaporan kredit atau agensi rujukan kredit;
- o. mana-mana pengurus dana pihak ketiga yang menyediakan perkhidmatan pengurusan asset kepada anda;
- p. mana-mana institusi kewangan, saudagar, VISA International Services Association, MasterCard International Incorporated dan persatuan kad lain berhubung mana-mana kad kredit dan/atau kad debit yang dikeluarkan oleh kami kepada anda;
- q. mana-mana orang, pihak berkuasa atau pengawal selia yang mana Kumpulan UOB dibenarkan atau diperlukan untuk mendedahkan data peribadi anda di bawah mana-mana undang-undang di mana-mana negara;
- r. mana-mana pemegang serah hak sebenar atau yang dicadangkan kami atau peserta atau sub-peserta atau penerima pindahan hak-hak kami berkenaan anda;
- s. mana-mana orang yang berhasrat menyelesaikan apa-apa wang yang tertunggak di bawah mana-mana akaun anda dengan kami; dan/atau
- t. mana-mana orang yang berkaitan dengan penguatkuasaan atau pemeliharaan mana-mana hak kami di bawah perjanjian-perjanjian anda dengan kami,

tertakluk, pada kesemua masa, kepada mana-mana undang-undang (termasuk peraturan, garis panduan dan/atau obligasi) yang terpakai kepada Kumpulan UOB (sama ada di dalam atau di luar Malaysia), untuk mana-mana tujuan yang dinyatakan di atas.

Tambahannya, entiti-entiti individu di dalam Kumpulan UOB, pedagang serta rakan strategik kami boleh menghubungi anda berkenaan produk, perkhidmatan dan tawaran, yang kami percaya mungkin menarik kepada anda atau memberi manfaat kewangan kepada anda. Walau apa pun, kami hanya akan mendedahkan data peribadi anda (tidak termasuk data yang berhubung dengan hal ehwal atau akaun anda) dengan pedagang dan rakan kongsi strategik kami untuk tujuan tersebut di mana persetujuan nyata anda terlebih dahulu telah diperolehi.

Anda boleh memilih untuk tidak menerima apa-apa bahan-bahan pemasaran langsung dari Kumpulan UOB dengan membuat permintaan bertulis kepada kami di cawangan UOB yang berdekatan atau dengan memberikan permintaan bertulis melalui emel kepada [uobcustomerservice@uob.com.my](mailto:uobcustomerservice@uob.com.my) (atau alamat lain yang dimaklumkan oleh kami).

Kami akan sebaliknya menganggap data peribadi anda sebagai sulit dan persendirian dan selain daripada pihak-pihak yang dinyatakan di atas, kami tidak akan mendedahkan data anda kepada mana-mana pihak lain kecuali:

- a. di mana anda telah memberikan kebenaran;
- b. di mana kami diperlukan atau dibenarkan berbuat demikian di bawah undang-undang;
- c. di mana diperlukan atau dibenarkan oleh mana-mana perintah mahkamah;
- d. di mana kami boleh memindahkan hak dan obligasi di bawah perjanjian-perjanjian anda dengan kami; dan/atau
- e. di mana kami diperlukan untuk memenuhi obligasi kami kepada mana-mana pihak berkuasa kawal selia yang berkaitan.

#### Keselamatan Data Peribadi Anda

Maklumat adalah aset kami dan oleh yang demikian, kami meletak kepentingan yang tinggi dalam memastikan keselamatan data peribadi anda. Kami kerap menyemak dan melaksanakan langkah-langkah keselamatan organisasi dan teknikal yang terkini semasa memproses data peribadi anda.

Pekerja-pekerja kami dilatih untuk mengendalikan data peribadi dengan selamat dan dengan penghormatan yang tertinggi, di mana sekiranya gagal berbuat demikian, mereka boleh dikenakan tindakan disiplin.

#### Penyimpanan Data Peribadi Anda

Kami akan menyimpan data peribadi anda untuk tempoh atau jangka masa yang diperlukan oleh perhubungan anda dengan kami, dengan mematuhi selaras dengan Notis Privasi ini dan/atau terma-terma dan syarat-syarat di dalam perjanjian-perjanjian anda dengan kami sepanjang tempoh perhubungan anda dengan kami, untuk suatuapa-apa tempoh lain yang mungkin perlu

untuk melindungi kepentingan Kumpulan UOB dan/atau pelanggannya sebagaimana yang dianggap perlu, atau di mana sebaliknya diperlukan di bawah undang-undang dan/atau di mana diperlukan di bawah polisi Kumpulan UOB yang berkaitan.

#### Apakah yang Berlaku Sekiranya Data Peribadi yang Diberikan Anda Tidak Lengkap?

Di mana dinyatakan, adalah menjadi tanggungjawab anda untuk memberikan data peribadi anda kepada kami untuk membolehkan kami memproses permohonan anda bagi produk dan perkhidmatan kami. Sekiranya anda enggan memberikan data peribadi yang wajib dan diperlukan, kami tidak boleh memproses permohonan/permintaan anda atau memberikan produk atau perkhidmatan kami kepada anda.

#### Hak Anda Untuk Mengakses dan Membetulkan Data Peribadi Anda

Kami boleh membantu anda untuk mengakses dan membetulkan data peribadi anda yang dipegang oleh kami.

Di mana anda berhasrat untuk mengakses data peribadi anda yang berada dalam pegangan kami, atau di mana anda berpandangan bahawa data peribadi itu yang dipegang oleh kami adalah tidak tepat, tidak lengkap, mengelirukan atau di mana berkaitan, tidak terkini, anda boleh membuat suatu permintaan kepada kami melalui Borang Permintaan Mengakses Data atau Borang Permintaan Pembetulan Data, masing-masing. Borang-borang ini boleh didapati di cawangan-cawangan kami dan juga laman web kami di [www.uob.com.my](http://www.uob.com.my).

Kami akan menggunakan usaha yang munasabah untuk mematuhi permintaan anda untuk mengakses atau membetulkan data peribadi anda dalam tempoh 21 hari dari penerimaan Borang Permintaan Mengakses Data/Borang Permintaan Pembetulan Data yang telah dilengkapkan dan fi pemrosesan (jika ada), terlaluk kepada hak kami untuk bergantung kepada mana-mana pelepasan dan/atau pengecualian statutori.

Sila ambil perhatian bahawa kami mungkin perlu menahan akses kepada data peribadi anda dalam situasi tertentu, sebagai contoh, apabila kami tidak dapat mengesahkan identiti anda atau di mana data yang diminta adalah bersifat sulit dari segi komersil atau sekiranya kami menerima permintaan yang berulang kali untuk data yang sama. Walau bagaimanapun, kami akan memberitahu anda sebab-sebab tidak dapat memenuhi permintaan anda.

Sila ambil perhatian bahawa kami boleh melaksanakan budi bicara kami dalam membenarkan pembetulan yang diminta dan/atau boleh meminta bukti dokumen lanjut untuk data baru tersebut bagi mengelak penipuan dan ketidaktepatan.

Anda juga boleh membantu kami untuk memastikan data peribadi anda (umpamanya alamat menyurat semasa anda) dikemas kini, kerana ia membolehkan kami memberikan perkhidmatan kepada anda dengan lebih baik.

#### Melaksanakan Pilihan Ke Atas Pendedahan, Penyimpanan dan Penggunaan Data Peribadi Anda

Tertaluk sentiasa kepada hak dan obligasi kontrak kami di bawah undang-undang dan peraturan yang berkaitan, anda boleh melaksanakan pilihan anda berhubung dengan pendedahan, penyimpanan dan penggunaan data peribadi anda. Sekiranya anda ingin berbuat demikian, sila hubungi kami menggunakan butiran perhubungan yang dinyatakan di bawah ini.

#### Semakan Kepada Notis Privasi

Notis Privasi ini boleh dipinda dari semasa ke semasa. Notis berikutan sebarang pindaan demikian akan diberikan melalui laman web kami dan/atau melalui apa-apa cara komunikasi lain yang dianggap sesuai oleh kami.

Mengikut Seksyen 7(3) Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 PDPA, Notis Privasi ini diterbitkan dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia. Sekiranya terdapat sebarang ketidakseragaman atau percanggahan di antara versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia, versi Bahasa Inggeris akan digunakan.

#### Penarikan Balik Persetujuan

Anda mempunyai hak untuk menarik balik persetujuan anda untuk pendedahan maklumat anda pada bila-bila masa, melainkan pendedahan tersebut diperlukan untuk kami mematuhi sebarang kewajipan undang-undang atau kontrak. Dalam hal ini, kami ingin mengingatkan anda bahawa jika anda tidak memberi kebenaran atau jika anda menarik balik persetujuan, ia boleh menyebabkan kami tidak dapat membuka, menubuhkan, meneruskan atau menyediakan akaun, perkhidmatan atau kemudahan kepada anda. Sekiranya anda ingin mengemukakan permintaan untuk menarik balik persetujuan anda, anda boleh membuat permintaan bertulis di Cawangan UOB terdekat atau dengan menghantar permintaan bertulis melalui e-mel ke [uobcustomerservice@uob.com.my](mailto:uobcustomerservice@uob.com.my) (atau alamat lain yang mungkin dimaklumkan oleh kami).

#### Menghubungi Kami Tentang Privasi Anda dan Bagaimana Kami Mengendalikan Data Peribadi Anda

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan berkaitan dengan Notis Privasi ini atau bagaimana kami mengendalikan data peribadi anda, sila hubungi Pegawai Perkhidmatan Pelanggan (Customer Service Officer) di mana-mana cawangan-cawangan kami atau menghubungi kami di:-

UOB Contact Centre:

- Kuala Lumpur +6 03-2612 8121
- Penang +6 04-2401 121

- Johor Bahru +6 07-2881 121
- Kuching +6 082-287 121
- Kota Kinabalu +6 088-477 121

Alamat Email: [uobcustomerservice@uob.com.my](mailto:uobcustomerservice@uob.com.my)

